

25/12/1997

PM ucap selamat Hari Natal

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakyat Malaysia beragama Kristian.

Perdana Menteri berharap rakyat meneruskan budaya kunjung mengunjungi rakan mereka yang menyambut perayaan itu esok.

"Kita bersyukur rakyat kita yang beragama Kristian dapat terus menyambut hari perayaan mereka dalam keadaan aman dan sempurna tahun ini," katanya dalam perutusan Hari Krismas yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menurutnya, walaupun negara sedang menghadapi masalah ekonomi, ia tidak menjejaskan suasana sambutan.

"Kita bernasib baik kerana masalah ekonomi masih tidak terlalu menekan. Namun rakyat perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan," kata Dr Mahathir.- Bernama

(END)